## MAHKAMAH KAJANG

Pada 11 Mac 1970, Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberian milik tapak Mahkamah Kajang di Lot 149, Seksyen 9 Bandar Kajang dalam Daerah Hulu Langat yang berkeluasan 0.263 hektar melalui Dokumen hak milik tapak Mahkamah Kajang. Pada tahun 1972, hanya seorang Majistret yang ditempatkan di Mahkamah Kajang yang bersidang di bangunan bersebelahan Balai Polis Daerah Kajang. Berikutan dengan peningkatan kes sivil di Kajang, satu Mahkamah Majistret diwujudkan dan ditempatkan di lot kedai yang disewa untuk mendengar kes sivil. Pada tahun 1970-an, Kajang sering dilanda banjir besar yang menyebabkan kawasan mahkamah juga ditenggelami air dan merosakkan bangunan dan dokumen mahkamah dan tidak selamat dihuni.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, Kerajaan Persekutuan meluluskan cadangan pembinaan bangunan baru Mahkamah Kajang. Pembinaan sebuah bangunan baru setinggi 10 tingkat ini dilengkapi dengan 1 bilik bicara Mahkamah Sesyen, 2 bilik bicara Mahkamah Majistret, bilik mesyuarat, bilik media, bilik peguam, bilik Pendakwa Raya, pejabat polis, bilik tahanan, bilik kebal, bilik fail, pejabat pentadbiran dan pendaftar kes serta bilik kakitangan sokongan.

Bangunan baru Mahkamah Kajang siap dibina pada 10 Januari 2012. Pada 2 Mei 2012, Majlis Penyerahan Bangunan baru Mahkamah Kajang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, mantan Ketua Pengarah, BHEUU kepada YBhg. Dato' Hashim bin Hamzah mantan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Bangunan Mahkamah Kajang beroperasi sepenuhnya pada 4 Jun 2012.